

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 MARCH 2015

RM40.000 baiki rumah dirempuh pesawat ,

LANGKAWI 17 Mac - Majlis Permesyuaratan Rakyat Indonesia (MPRRI) hari ini tampil menghulurkan sumbangan hampir RM40,000 kepada keluarga Zulkipli Abu Mutalib selepas rumahnya musnah akibat dirempuh pesawat KT-i Woongbi dua hari lalu.

Sumbangan tanda prihatin itu diserahkan kepada bekas Perdana Menteri, Tim Dr. Mahathir Mohamad pada pembukaan perasmian Pameran IJdara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2015 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini.

Wakil Ketua MPRRI, Dr. Oesman Sapta berkata, sumbangan itu bertujuan membantu serta meringankan beban ditanggung keluarga berkenaan.

"Pihak kami sudah datang dan

melawat keluarga iru selepas kejadian. Mereka terkejut dan tidak menyangka kehadiran kami yang mahu membantu mereka.

"Mereka sekeluarga juga tidak marah dengan apa yang sudah berlaku kerana mereka mengangap kejadian itu sebagai satu kemalangan," katanya ketika ditemui pemberita.

Oesman berkata, MPRRI komited mahu membantu keluarga berkenaan termasuk membaik pulih kerosakan rumah itu.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, pihaknya berterima kasih atas sumbangan bagi pembinaan semula rumah berkenaan.

"Ia dapat meringankan keluarga itu membaik pulih rumah termasuk membeli kelengkapan dan peralatan kediaman mereka," katanya.



DR. MAHATHIR MOHAMAD menerima sumbangan daripada Oesman Sapta bagi membaiki rumah yang musnah akibat nahas pesawat Jupiter dalam Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2015 di Langkawi, semalam.
- BERNAMA